

**MUHAMMAD IBN ABD AL-WAHHAB DAN
PENGARUHNYA TERHADAP AJARAN AHLI
SUNNAH WAL-JAMAAH DI PERLIS**

ZAKARIA @MAHMOD BIN DAUD

**TESIS UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (Ph.D)
DI BAHAGIAN PENGAJIAN USULUDDIN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
1997**

Perpustakaan Universiti Malaya



A509085494

Dimikrofikasikan pada 28.04.2000

No. Mikrofis. 14589

Jumlah Mikrofis. 6

HAMSIAH BT. MOHAMAD ZAHAR

UPR UNIT REPROGRAFI
PERPUSTAKAAN UTAM
UNIVERSITI MALAYA

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah, Tuhan Pencipta alam, selawat dan salam ditujukan kepada junjungan Nabi Muhammad s.a.w., kepada Ahli keluarga dan para sahabatnya.

Penulis bersyukur kepada Allah yang telah memberi taufik dan kekuatan sehingga tesis ini dapat disiapkan. Penulisan tesis yang bertajuk "*Muhammad Ibn Abd al-Wahhab Dan Pengaruhnya Terhadap Ajaran Ahli Sunnah wal-Jamaah Di Perlis*" dapat disiapkan selain daripada mendapat pertolongan Allah, banyak mendapat bantuan dan kerjasama daripada pihak-pihak tertentu. Untuk itu, penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak-pihak yang terlibat di dalam menjayakan penulisan ini baik dari sudut sumbangan berupa teguran, nasihat, bimbingan, ransangan, bantuan rujukan buku-buku ilmiah dan sebagainya.

Sehubungan dengan ini, setinggi-tinggi penghormatan dan penghargaan di hulurkan kepada penyelia tesis ini Profesor Madya Dr. Abdul Halim bin

Haji Mat Diah yang telah banyak mengorbankan masa dan tenaganya bersama penulis memberi bimbingan, nasihat, kritikan membina, idea-idea dan apa juga bentuk teguran kepada penulis dalam usaha menyiapkan tesis ini tanpa mengenal jemu dan bosan.

Ucapan penghargaan ini juga ditujukan kepada Bahagian Rekod dan Kemasukan Universiti Malaya, kepada pihak Akademi Pengajian Islam juga pihak Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya kerana memberi berbagai-bagai kemudahan dan peluang kepada penulis untuk meneruskan pengajian dan penyelidikan ini.

Ucapan penghargaan khas ini juga ditujukan kepada pihak-pihak perpustakaan-perpustakaan yang banyak membantu penulis untuk memperolehi data-data, bahan-bahan dan maklumat penting yang diperlukan di dalam penulisan tesis ini. Perpustakaan-perpustakaan itu ialah:

- (a) Perpustakaan Utama, Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.
- (b) Perpustakaan Universiti Malaya Cawangan
Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.

- (c) Perpustakaan Pusat Islam, Kuala Lumpur.
- (d) Perpustakaan Mustasyar, Kedutaan Arab Saudi, Kuala Lumpur.
- (e) Perpustakaan Utama Universiti Ummu al-Qura, Makkah al-Mukarramah, Arab Saudi dan
- (f) Perpustakaan al-Haramain, Mekkah al-Mukarramah, Arab Saudi.

Ucapan penghargaan ini juga penulis rakamkan kepada beberapa orang tertentu yang banyak membantu penulis iaitu Puan Zainon binti Hj Adon yang menaip tesis ini, Saudara Syed Abdurahman bin Syed Hussin yang banyak memberi pinjam kitab-kitabnya untuk rujukan penulis, juga kepada beberapa orang tokoh Ahli Sunnah Perlis yang ditemubual oleh penulis bagi mendapatkan maklumat mengenai Ahli Sunnah Perlis dan ajaran-ajarannya seperti Ustaz Noordin bin Ismail, Ustaz Hj Salleh bin Hj Abdullah, Ustaz Ahmad Yusoff Amin, Ustaz Ramli bin Ahmad, Ustaz Haji Abdullah bin Haji Muhammad Ali, Ustaz Abd Razak bin Haji Abdullah, Ustaz Dahlan bin Mohd Zain, Ustaz Hj Abd Rahman Imam tua Masjid Alawi Kangar, Ustaz Mohd Darus Senawi dan lain-lain lagi.

Ucapan penghargaan juga ditujukan untuk isteri dan anak-anak tersayang serta keluarga yang banyak memberi pandangan, buah fikiran, ransangan dan mendorong penulis bagi menyiapkan kajian ini.

Akhir sekali ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada sahabat handai para pensyarah khususnya di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, yang banyak memberi semangat kepada penulis sepanjang berada bersama mereka, dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam menjayakan penulisan tesis ini.

Zakaria @ Mahmud bin Daud
No. 51, Kampung Sri Perantau
Sungai Besi
Kuala Lumpur

Januari 1997
Ramadhan 1417

DAFTAR ISI

DAFTAR ISI	HALAMAN
PENGHARGAAN	i - iv
DAFTAR ISI	v - xiii
ABSTRAK	xiv - xviii
ABSTRACT	xix - xxii
TRANSLITERASI	xxiii - xxv
SENARAI KEPENDEKAN	xxvi
PENDAHULUAN	1 - 26
A. Latar Belakang Masalah	1
Pengenalan Negeri Perlis	1
a. Kedudukan dan Asal Usulnya	1 - 6
b. Pembentukan Sebuah Negeri Berdaulat	6 - 9
B. Pengertian Tajuk dan Perumusan Masalah	9 - 12
C. Objektif Penyelidikan	12 - 15
D. Metodologi Penyelidikan	15 - 16
a. Metod Penentuan Subjek	16
b. Metod Pengumpulan Data	16 - 17.
i. Metod Sejarah (Historis)	17
ii. Metod Dokumentasi	18 - 19
iii. Metod Pemerhatian (Observasi)	19 - 20
iv. Metod Temubual (Interview)	20 - 21

HALAMAN

c.	Metod Penganalisa Data/Penulisan	21
i.	Metod Induktif	21 - 22
ii.	Metod Deduktif	22
iii.	Metod Komparatif	22 - 23
E.	Sistematika Penulisan	23 - 26
BAB I: MUHAMMAD IBN ABD AL-WAHHAB DAN DAKWAHNYA		27 - 144
A.	MUHAMMAD IB ABD AL-WAHHAB DAN KELUARGANYA	27
a.	Kelahiran	27 - 29
b.	Keluarga Muhammad Ibn Abd al-Wahhab	29 - 32
B.	SUASANA MASYARAKAT ISLAM DI SEMENANJUNG ARAB SEBELUM KELAHIRAN DAKWAHNYA	33 - 34
a.	Pendahuluan	33
b.	Keadaan dan Suasana Politik dan Sosial	34 - 38
c.	Keadaan dan Suasana Akidah dan Agama	39 - 44
C.	PENGAJIAN BELIAU DAN GURU-GURUNYA	45 - 57
D.	HASIL KARYA PENULISANNYA	58 - 66
E.	PERIBADI DAN TINGKAH LAKU BELIAU	67 - 77
F.	DAKWAH BELIAU DAN PERKEMBANGANNYA	78 - 116
a.	Dakwah di Basrah	83 - 85
b.	Dakwah di Huraimila	85 - 87
c.	Dakwah di Uyainah	87 - 98

HALAMAN

i.	Membasmi Unsur-unsur Syirik	88 - 89
ii.	Meruntuh Kubbah Bangunan Di Atas Kubur Sahabat Rasulullah s.a.w.	89 - 91
iii.	Melaksana Hukum Rejam	91 - 98
d.	Dakwah di Dir'iyyah	98 - 107
G.	SEBAB-SEBAB DAKWAHNYA BERKEMBANG LUAS	108 - 116
a.	Usaha Berterusan Daripada Beliau	108 - 110
b.	Prinsip Dakwah Muhammad Ibn 'Abd al-Wahhab	110 - 112
c.	Muncul Gerakan di Waktu Yang Sesuai	113 - 114
d.	Kedudukan Mekkah dan Madinah	114 - 116
H.	SUMBER-SUMBER AJARAN DAKWAHNYA	117 - 136
a.	al-Quran al-Karim	118 - 120
b.	Sunnah Rasulullah s.a.w.	120 - 122
c.	Athar daripada Salafus al-Salleh	123 - 124
d.	Pendapat Imam Ahmad Ibn Hanbal (164H - 241H)	124 - 126
e.	Pendapat Shaykh Islam Ahmad Ibn Taimiyyah (661H - 728H)	126 - 130
f.	Pendapat Shaykh Muhammad Ibn Qayim al-Jauziyyah (691H - 751H)	130 - 136
I.	HUBUNGAN DAKWAHNYA DENGAN SEBUTAN	137 - 144

BAB II: BUAH FIKIRAN MUHAMMAD IBN ABD AL-WAHHAB	145 - 286
A. PENGENALAN RINGKAS BUAH FIKIRANNYA	145 - 157
B. TAUHID DAN PEMBAHAGIANNYA MENGIKUT MUHAMMAD IBN ABD AL-WAHHABI	158 - 178
a. Pendahuluan	158 - 159
b. Tauhid dan Pembahagiannya	160 - 178
i. Tauhid Rububiyyah	160 - 164
ii. Tauhid Asma dan Sifat	164 - 170
iii. Tauhid Uluhiyyah	171 - 178
C. TAWASSUL DAN JENIS-JENISNYA	179 - 208
a. Pendahuluan	179 - 180
b. Erti Tawassul dan Wasilah	180 - 185
c. Hukum Bertawassul	185 - 188
d. Jenis Tawassul	188 - 189
1. Tawassul Yang Disyariatkan	189 - 195
i. Tawassul Dengan Nama-nama Allah al-Husna Dan Dengan Sifat-sifat Yang Mulia	189 - 190
ii. Tawassul Dengan Doa Orang Saleh Yang Hidup	190 - 193
iii. Tawassul Dengan Amal-amal Soleh Yang Dilakukan	193 - 195
2. Tawassul Yang Tidak Disyariatkan	195 - 208

HALAMAN

D.	SYAFAAT DAN JENIS-JENISNYA	209 - 228
a.	Pendahuluan	209 - 210
b.	Erti Syafaat	210
c.	Jenis-jenis Syafaat	211
a.	Syafaat Yang Diisbatkan (Diharuskan)	211 - 216
i.	Syafaat Rasulullah s.a.w.	216 - 223
b.	Syafaat Yang Diharamkan (Yang Tidak Disyariatkan)	223 - 228
E.	SIKAP BELIAU MENGENAI MASALAH MENGKAFIR ORANG LAIN	229 - 249
a.	Pendahuluan	229 - 231
b.	Musuh-musuh Mengatakan Dia Mengkafirkan Orang Ramai	231 - 233
c.	Sikap Beliau Yang Sebenar	233 - 249
F.	MENDIRIKAN BINAAN KUBBAH DI ATAS KUBUR DAN MENZIARAHIB KUBUR	250 - 269
a.	Pendahuluan	250 - 252
b.	Membina Kubbah Atas Kubur	252 - 258
c.	Menziarahi Kubur	259 - 260
i.	Ziarah Yang Diharuskan	260 - 264
ii.	Ziarah Yang Dilarang	264 - 269
G.	AMAR MA'RUF DAN NAHI MUNGKAR	270 - 286
a.	Pendahuluan	270 - 271
b.	Tugas Amar Ma'ruf Dan Nahi Mungkar	271 - 277

HALAMAN

c.	Adat Melaksanakan Amar Ma'ruf Nahi Mungkar	277 - 286
i.	Memberi Keterangan Dan Penjelasan	281 - 282
ii.	Menggunakan Kekuatan Dan Kekerasan	282 - 286
BAB III: PANDANGAN ULAMA-ULAMA DAN SARJANA-SARJANA MENGENAI BUAH FIKIRANNYA		287 - 356
a.	Pendahuluan	287 - 288
b.	Pandangan Ulama dan Sarjana Yang Menyokongnya	288 - 308
i.	al-Zirkali	289 - 290
ii.	Shaykh Muhammad al-Sanani	290 - 292
iii.	Shaykh Muhammad Ali al-Syaukani	292 - 293
iv.	Muhammad Rasyid Redha	293 - 298
v.	Ahmad Amin	298 - 300
vi.	Sarjana-sarjana Islam Lain	301 - 308
vii.	Pandangan Sarjana Barat	308 - 314
a.	Pandangan Lothrop Stoddard	309 - 312
b.	Encyclopedia of Britanica	312 - 314
c.	Pandangan Ulama-ulama Dan Sarjana-sarjana Yang Menentang Beliau	315 - 333
a.	Muhammad Ibn Abd Rahman al-Afaliq	316 - 318
b.	Shaykh Ali Alwi al-Haddad	318 - 320
c.	Sulaiman Ibn Muhammad Ibn Suhaim	321 - 322
d.	Sulaiman Ibn Abd Wahhab	322 - 323

	HALAMAN
e. Muhammad Najib Sauqiyyah	323 - 324
f. Al-Sayyid Ahmad Zaini Dahlan	324 - 327
g. Ayyub Sabri Pasha	327 - 331
h. K.H. Sirajuddin Abbas	331 - 333
d. Jawapan Beliau Dan Pengikutnya	334 - 356
 BAB IV: AHLI SUNNAH PERLIS DAN HUBUNGAN ALIRANNYA DENGAN AJARAN MUHAMMAD IBN ABD AL-WAHHAB	 357 - 392
A. PENDAHULUAN	357 - 358
B. PENGENALAN AHLI SUNNAH WAL JAMAAH	358
a. Pengertian Ahli Sunnah wal-Jamaah Dari Segi Bahasa	358 - 362
b. Pengertian Ahli Sunnah wal-Jamaah Dari Segi Istilah	362 - 366
c. Bila Lahir Istilah Ahli Sunnah wal-Jamaah	366 - 370
d. Ahli Sunnah dan Bahagiannya	370 - 374
e. Kumpulan-kumpulan Ahli Sunnah wal-Jamaah	375 - 379
f. Ciri-ciri Penting Ahli Sunnah wal-Jamaah	379 - 392
a. Menjadikan al-Quran dan Hadith Pedoman Utama	380 - 382
b. Sederhana Dalam Semua Perkara	382 - 384
c. Mengawal Lidah Dari Mencaci Sahabat	384 - 386
d. Tidak Ada Yang Agong Kecuali Rasulullah s.a.w.	386 - 387

HALAMAN

e.	Menyuruh Perkara Ma'ruf Dan Perkara Mungkar	388 - 389
f.	Golongan Umat Nabi Muhammad Yang Teramai	389 - 390
g.	Mempunyai Akidah Yang Betul	390 - 392
C.	KELAHIRAN DAN PERKEMBANGAN AHLI SUNNAH PERLIS	393 - 420
a.	Pengenalan Ahli Sunnah Perlis	393 - 396
b.	Perkembangan Ahli Sunnah Perlis	396
i.	Peringkat Pembentukan	396 - 404
ii.	Peringkat Kebekuan	405 - 407
iii.	Peringkat Perkembangan dan Terakhir	407 - 420
D.	PEMIKIRAN AHLI SUNNAH PERLIS	421 - 444
a.	Kembali Kepada al-Quran dan Sunnah	421 - 425
b.	Menolak Taklid Kepada Mazhab	425 - 432
c.	Tumpuan Kepada Tauhid Aliran Salafiyah	432 - 438
d.	Cara Bertawassul	438 - 441
e.	Menolak Tawassul dan Tarikat	441 - 444
f.	Memerangi Perkara-perkara Syirik, Khurafat dan Bid'ah	444 - 448
g.	Perkara-perkara Ibadat	449 - 450
E.	PENGARUH AJARAH AHLI SUNNAH PERLIS KEPADА AJARAN MUHAMMAD IBN ABD AL- WAHHAB	451 - 477
a.	Melalui Ulama-ulama Saudi Yang Mengajar dan Berdakwah di Perlis	451 - 454

HALAMAN

b.	Melalui Pengaruh Tokoh-tokoh Islah Dari Timur Tengah (Mesir)	454 - 459
c.	Melalui Pengaruh Tokoh-tokoh Islah Dari Indonesia dan India	459 - 462
d.	Ada Persamaan Dalam Ajaran Tauhid	463 - 466
e.	Persamaan Mengenai Cara Bertawassul	466 - 468
f.	Tentangan Terhadap Perkara Syirik, Khurafat dan Bid'ah	468 - 470
g.	Mengenai Perkara Ibadat	470 - 473
h.	Perkara Mengenai Urusan Kematian	473 - 477
AB V: PENUTUP		478
a.	Kesimpulan	478 - 483
b.	Saranan	484 - 487
BIBLIOGRAFI		488 - 497

ABSTRAK

ZAKARIA @ MAHMOD BIN DAUD, "*Muhammad Ibn Abd al-Wahhab Dan Pengaruhnya Terhadap Ajaran Ahli Sunnah wal-Jamaah Di Perlis*". Tesis, Kuala Lumpur; Universiti Malaya Kuala Lumpur.

Persoalan mengenai Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan ajarannya selalu diperbincangkan oleh ramai orang semenjak beratus-ratus tahun yang lalu sampai ke hari ini. Sehingga ada segolongan menganggap buah fikirannya terkeluar dari ajaran. Ahli Sunnah wal-Jamaah dan dikenali ajarannya dengan "ajaran Wahhabi". Manakala segolongan yang lain menganggap ajarannya adalah ajaran Ahli Sunnah wal Jamaah, tidak menyeleweng daripadanya. Kerana itu sampai ke hari ini didapati ramai orang yang menyokong dan ramai juga yang menentangnya.

Selain itu Ahli Sunnah wal-Jamaah Perlis didapati ada beberapa pendapat mereka berbeza dengan pendapat ramai umat Islam di negeri-negeri lain di Malaysia dan beberapa cara melakukan ibadat juga ada perbezaan, sehingga mereka dianggap sebagai golongan

Ahli Sunnah yang tidak mengikut mazhab Syafie. Ajarannya selalu dikaitkan dengan ajaran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan dianggap ada terpengaruh kepadanya. Kedua-dua perkara di atas menimbulkan dorongan kepada penulis untuk mengkajinya.

Ada beberapa masalah penting yang dikaji di dalam tesis ini iaitu:

1. Siapakah sebenarnya Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan bagaimana ajarannya yang sebenar, apakah ia terkeluar dari ajaran Ahli Sunnah wal-Jamaah atau bagaimana?
2. Bagaimana sikap dan pandangan orang ramai khususnya ulama-ulama dan sarjana-sarjana Islam dan Barat mengenai beliau dan ajarannya? Adakah menyeleweng atau tidak?
3. Siapakah sebenarnya yang dikatakan Ahli Sunnah wal-Jamaah dan bagaimana sebenarnya Ahli Sunnah wal-Jamaah di Perlis?
4. Sejauhmana ada hubungan di antara ajaran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dengan ajaran

Ahli Sunnah Perlis? dan sejauhmana pengaruhnya?

Bagi menjawab segala persoalan di atas, penulis telah melakukan kajian dan penyelidikan dengan menggunakan metod sampling, metod historis, penelitian, pengumpulan data dan wawancara.

Hasil dari kajian ini, penulis dapati:

1. Muhammad Ibn Abd al-Wahhab adalah seorang tokoh Islah dari kalangan Ahli Sunnah wal-Jamaah bermazhab Hanbali dari segi fekah dan mazhab salaf dari segi akidah. Ajaran-ajarannya tidak lari dari ajaran golongan Ahli Sunnah wal-Jamaah yang lain, dan dia kuat berpegang kepada al-Quran, Sunnah dan pendapat-pendapat ulama yang muktabar.
2. Beliau seorang tokoh Islah yang kontroversi di sepanjang zaman sampai ke hari ini. Kerana itu di mana-mana sahaja didapati ada segolongan yang menyokong dan menganggap ajarannya betul dan benar, manakala segolongan yang lain menganggap dia

menyeleweng dan terkeluar dari golongan Ahli Sunnah wal-Jamaah dan dipanggil pengasas mazhab Wahhabi.

3. Ahli Sunnah wal-Jamaah merupakan satu golongan umat Islam yang berpegang kepada ajaran al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w. serta ajaran ulama *Salafus al-Salleh*. Mereka bukan golongan *Mub'tadi'* dan golongan ashab *al-ahwa* (yang mengikut hawa nafsu).
4. Golongan Ahli Sunnah wal-Jamaah di Perlis didapati ada terpengaruh kepada buah fikiran dan ajaran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab melalui ramai tokoh yang telah terpengaruh kepada ajaran beliau, sama ada secara langsung dari ulama-ulama yang datang dari Arab Saudi atau secara tidak langsung melalui tokoh-tokoh dari gerakan Muhammadiyah dari Indonesia atau dari India dan Timur Tengah yang telah lama terpengaruh kepada ajarannya.
5. Ada banyak persamaan di antara ajaran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dengan ajaran Ahli Sunnah wal-Jamaah di Perlis. Kedua-dua

kuat menentang dan menghapus unsur-unsur syirik, khurafat dan bid'ah yang tersibar dalam masyarakat. Sama dalam cara menunaikan amal-amal ibadat seperti cara mengambil wuduk, bersembahyang, mengurus mayat atau jenazah dan juga mengenai cara belajar akidah dan sifat-sifat Allah, kerana itu boleh dikatakan ajaran Ahli Sunnah wal-Jamaah di Perlis ada terpengaruh kepada ajaran yang dibawa oleh Muhammad Ibn Abd al-Wahhab atau dengan kata lain ajaran Muhammad dapat mempengaruhi ajaran Ahli Sunnah Perlis

ABSTRACT

ZAKARIA @MAHMOD BIN DAUD, "*The Influence of Muhammad Ibn Abd al-Wahhab on Ahl Sunnah Wa al-Jamaah In Perlis*". Thesis, Kuala Lumpur, University of Malaya, 1997.

Muhammad Ibn Abdul al-Wahhab and his teachings have been a topic of discussion for centuries. Those who are against his teaching label it as "Wahhabi" and regard it as deviated from the mainstream of Ahl Sunnah wa al-Jamaah. On the contrary, there are many who maintain that the teaching is in line with that of Ahl Sunnah wal al-Jamaah. The controversy continues even to these days.

Ahl Sunnah wa al-Jamaah of Perlis is another case in question since some of its opinion and practices if its followers differ from those of the Muslims of the other parts of Malaysia. Due to the reason, some people consider the follows of Ahl Sunnah wa al-Jamaah of Perlis not the followers of Mazhab Shafi'e. The teaching of Ahl Sunnah wa al-Jamaah of Perlis is said to be related to Muhammad Ibn Abdul al-Wahhab. These controversies are impetus to the current research.

These are several hypotheses in this research, namely:

1. What is Muhammad Ibn Abd al-Wahhab's personal background, what is actually his doctrines and whether it is against the doctrine of Ahl Sunnah wa al-Jamaah or not?
2. What are the opinion and attitudes of the public particularly the Muslim scholars about his doctrine?
3. Who are the Ahl Sunnah wa al-Jamaah and what is actually the Ahl Sunnah wa al-Jamaah in Perlis?
4. To what extent has the doctrine of Ahl Sunnah wa al-Jamaah of Perlis been effected by his doctrine.

The research has produced several conclusions as follows:

1. Muhammad Ibn Abd al-Wahhab is among the prominent figures of "Islah" in Ahl Sunnah

wa al-Jamaah from Hanbali school in "Fiqh" and "Salaf" school in "Aqidah". His doctrine is in consistence with that of Ahl Sunnah wa al-Jamaah and he strongly followed al-Quran, al-Sunnah and the opinion of prominent Muslim scholars.

2. He is a controversial figure in the "Islah" movement. There are some groups of people who support him and also who against his doctrine and assume that he is not among Ahl sunnah wa al-Jamaah. He is the founder of wahhabi school.
3. The followers of Ahl Sunnah wa al-Jamaah do hold fast to the teaching of al-Quran and the Sunnah of the Prophet (peace be upon him) and are highly influenced by **salaf al-Salleh**, they do not belong to the **Mubtadi'** or **ashab al-ahwa'**.
4. Ahl Sunnah wa al-Jamaah in Perlis has been influenced by his teachings from several sources. They are directly influenced by the ulamak who came from Saudi Arabia or

indirectly influenced by the Muhammadiyah movement in Indonesia and also through India and Middle Eastern countries which have a long connection with his doctrine.

5. There are similarities between the doctrine of Muhammad Ibn Abd al-Wahhab and the teachings of Ahl Sunnah wa al-Jamaah in Perlis. Both are strongly against any element of "syirik", "khurafat" and "bid'ah". There are similar in the method of ablution, praying, funeral services and method of learning "aqidah". Therefore, the doctrine of Ahl Sunnah wa al-Jamaah in Perlis has been influenced by the doctrine of Muhammad Ibn Abd al-Wahhab.

TRANSLITERASI

Transliterasi perkataan-perkataan Arab yang digunakan dalam tesis ini mengikut sistem transliterasi yang dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementeraian Pendidikan Malaysia. Pada tahun 1992 iaitu seperti berikut:

1.	Konsonen Arab	Latin
ا		a
ب		b
ت		t
ث		th
ج		j
ح		h
خ		kh
د		d
ذ		dh
ر		r
ز		z
س		s
ش		sy

Konsonen
Arab

Latin

ص	š
ض	d̤
ط	t̤
ظ	z̤
ع	i
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
و	w, o, u
ه	h
ء	,
ي	i, y
ة	h (ketika di matikan bunyinya)
ة	t (ketika dihidupkan bunyinya)

2. Vokal

i. Pendek ii. Panjang iii. Diftong

/ a

/ ā

ɔ ay

\ i

/ ī

u aw

ə u

ə ū

Beberapa istilah Arab yang telah dimelayukan digunakan serta dikekalk dalam bahasa Melayu dari sudut ejaannya seperti akidah, ulama', Rasulullah, roh, Ahli Sunnah wal-Jamaah, dan sebagainya termasuk nama-nama orang semuanya dieja dengan ejaan biasa tanpa menggunakan transliterasi. Begitu juga istilah Inggeris yang telah dimelayukan.

SENARAI KEPENDEKAN

a.s	-	'Alaihis Salam
cet.	-	Cetakan
t.t.	-	Tanpa tahun
t.cet.	-	Tanpa percetakan
t.pen	-	Tanpa penerbit
Dr./Drs.	-	Doktor/Doktor Randus
Ed.	-	Diedit
M	-	Masihi (tahun)
H	-	Hijrah (tahun)
jid	-	Jilid
hlm.	-	Halaman
Ibid	-	Ditempat yang sama
op.cit.	-	(Latin: Opere Citato) dalam rujukan yang telah disebut
s.a.w.	-	Sallahu Alaihi Wassalam
no.	-	Nombor
Sdn. Bhd.	-	Sendirian Berhad
terj.	-	Terjemahan
vol.	-	Volume

PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

Pendahuluan ini merupakan suatu pengenalan umum kepada penulisan tesis ini yang mengemukakan tajuk-tajuk yang akan menjelaskan kajian penulis secara keseluruhannya.

A. Latar Belakang Masalah

Pengenalan Negeri Perlis

(a) Kedudukan Dan Asal Usulnya

- Negeri Perlis dahulunya merupakan sebahagian daripada Negeri Kedah Darul Aman. Letaknya di sebelah tenggara Wilayah Setul Negara Thailand (Siam). Di sebelah selatannya bersempadan dengan daerah Kubang Pasu, Kedah. Manakala Pantai Barat Perlis menghadap Laut Selat Melaka dan di sebelah Timur Lautnya berhadapan dengan Wilayah Songkhla, Thailand.¹

1. Ahmad Ismail, *Perlis Indra Kayangan, Sejarah Pembentukan Sebuah Negeri Berdaulat*, Perbadanan Perpustakaan Awam Perlis, 1992, hlm. 1.

Asal-usul nama negeri Perlis tidak dapat dipastikan dengan jelas. Sehingga ini masih belum diterima keterangan bertulis yang sah mengenainya.¹ Ini disebabkan tulisan dan tumpuan yang diberikan oleh para ahli sejarah amat berkurangan.²

Walau bagaimanapun, menurut cerita lisan orang-orang tua ada beberapa cerita yang dapat menunjukkan asal-usul nama negeri Perlis. Cerita pertama mengisahkan kononnya nama "Perlis" itu berasal dari perkataan Siam iaitu "*Phrai Loi*" yang bererti kelapa hanyut atau "Nyor hanyut". Bagi orang Melayu perkataan ini dipindahkan dan dipelatkan sehingga berbunyi "Perleh". Kononnya pada zaman dahulu sekitar abad ke-15 dan 16 ramai pedagang Siam yang tinggal di bahagian Pantai Barat negeri itu selalu keluar berniaga dengan menggunakan tongkang dan perahu besar datang ke negeri Kedah hingga ke negeri Melaka. Saudagar Siam menjadikan Gunung Jerai sebagai pedoman untuk berlegar menyusur Pantai Barat Tanah Melayu. Ketika mereka sampai ke muara Sungai Perlis mereka selalu bertemu dengan kelapa hanyut khususnya apabila air surut. Oleh itu tempat itu

-
1. Asmah, *Perlis*, Associated Distributer (M) Sdn. Bhd., t.t., hlm. 9.
 2. Dr. Khoo Kay Kim, *Semenanjung Tanah Melayu Pada Kurun Ke-19*, dalam; Zainal Abidin Abdul Wahib (ED) *Sejarah Malaysia Sepintas Lalu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1971, hlm. 81.

dikenali sebagai Sungai *Phrai-Loi*, erti sungai kelapa hanyut.¹

Cerita kedua menyebut asal-usul nama Perlis berpunca dari sebuah kubur yang dianggap oleh penduduk di situ sebagai kubur keramat dan berpuaka. Kubur itu disebut sebagai Kubur Tok Perlis yang terletak di Kaki Bukit Ngolong dalam mukim Oran. Kononnya dikatakan siapa yang melanggar pantang larang di kubur tersebut akan menjelma sebagai seekor ular yang menjalar-jalar berhampiran dengan kubur itu. Penduduk di tempat itu percaya bahawa nama negeri Perlis berasal dari nama kubur itu.²

Dari sumber ketiga pula ada yang didengari dari penduduk yang berasal dari tepi laut negeri itu, mereka mengatakan nama asal negeri Perlis diambil dari perkataan Melayu loghat Utara (Kedah Perlis) iaitu perkataan "Perlus" atau "Perelus". Perkataan ini digunakan dengan awalan "ter" menjadi kata kerja

-
1. Haji Buyung Adil, *Sejarah Perlis*, cet. 1, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1982, hlm. 1, Ahmad Ismail, *op.cit.*, hlm. 9.
 2. Zakiah Hanun, *Asal-asal Negeri di Malaysia*, Times Book International, Kuala Lumpur, 1988, hlm. 58-60.

"terpelus" yang bererti termasuk kaki ke dalam sesuatu atau ke celah sesuatu. Di Perlis terdapat kawasan berlumpur yang luas terutama di kawasan selatan yang apabila orang melalui kawasan lumpur di situ mereka terpelus kakinya ke dalam lumpur tersebut. Dari sini kononnya nama negeri Perlis diambil dari perkataan "Perlus".¹

Cerita lain menyebut asal-usul negeri Perlis berasal dari nama "Peran Leh" seorang Peran (*clown*) Mak Yong yang sangat popular suatu masa dahulu. Nama sebenar beliau ialah Salleh. Bagi orang Melayu lazimnya nama Salleh disingkatkan sebutannya kepada "Leh" sahaja. Peran Leh dan kumpulan Mak Yongnya selalu dijemput bermain Mak Yong di istana raja, entah bagaimana dalam satu babak drama teman Peran Leh bertanya, "Ke negeri manakah kita sampai?" Jawabnya, "Kita sudah sampai ke negeri Peran Leh". Ekoran dari itu raja telah mengumumkan negeri itu dipanggil "Peran Leh" kononnya lama kelamaan hasil daripada pengubahsuaiannya sebutan itu menjadi Perlis.²

1. Ahmad Ismail, *op.cit.*, hlm. 10, Haji Buyung Adil, *op.cit.*, hlm. 3-4.

2. *Ibid.*

Sumber lain lagi menyebut bahawa nama Perlis diambil dari perkataan "Peroleh" yang bermaksud kurniaan yang diperolehi dari raja. Selepas kemangkatan Sultan Abdullah Mukarram Syah Sultan Kedah, pemerintahan Kedah diambil alih oleh adiknya Sultan Dhiauddin Raja Muda Kayang-Setul. Pada ketika itu Putera Sulong Sultan Abdullah iaitu Tengku Ahmad Tajuddin masih kecil. Baginda Sultan Dhiauddin mengahwinkan puterinya bernama Tun Safiah dengan Syed Harun Jamalullail seorang peranakan Arab. Syed Harun telah mewujudkan kampung halamannya di Arau (kini dalam negeri Perlis).

Tidak lama kemudian Sultan Dhiauddin menyerahkan semula pemerintahan Kerajaan Kedah kepada anak saudaranya Tengku Ahmad Tajuddin setelah beliau dewasa. Kemudian pada masa pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin, Siam menyerang dan menguasai Kedah, tetapi akhirnya dapat diambil kembali atas daya usaha Tunku Anum, Tunku Bisnu, dan Syed Hussain Jamalullail. Apabila Sultan Ahmad Tajuddin dapat memerintah Kedah semula, beliau memberi daerah Kayang (negeri Perlis) kepada Syed Hussain Jamalullail. Kurniaan ini berlaku dalam tahun 1843. Melalui cerita ini dapat difahamkan bahawa negeri Perlis diperolehi daripada kurniaan Sultan

Selain daripada itu terdapat berbagai-bagai hipotisis yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji sejarah mengenai asal-usul nama itu. Dari setiap sumber itu jelas bahawa setiap satunya mempunyai fakta-fakta tersendiri dan berbeza-beza.

(b) **Pembentukan sebuah Negeri Berdaulat**

Perlis wujud sebagai negeri berasingan dengan mempunyai raja yang tersendiri bermula pada kurun ke-19. Sebelum itu Perlis adalah sebahagian dari Negeri Kedah yang diperintah oleh Sultan Kedah melalui Raja Mudanya. Pada masa itu Perlis dikenali sebagai Kayang atau Kayangan, sehingga hari ini nama Kayang masih dipakai oleh masyarakat di kawasan utara Tanah Melayu apabila menyebut Perlis. Mengikut catatan sejarah, Sultan Kedah iaitu Sultan Abdullah Mukarram Shah mangkat dalam tahun 1778M. Pada masa itu putera sulong Baginda, Tengku Ahmad Tajuddin masih kecil. Semasa menantikan beliau dewasa, bapa saudaranya, Tengku Dhiauddin (Raja Muda Kayang dan Setul) terpaksa ditabalkan menjadi pemangku Sultan Kedah dan diberi gelaran Sultan Dhiauddin Mukarran

1. *Ibid.*

Shah.¹

Semasa pemerintahan Al-Marhum Sultan Abdullah sehingga Kedah diperintah oleh Sultan Dhiauddin Shah, ramai orang Arab tinggal dan bermiaga di negeri itu. Hubungan mereka dengan kalangan istana agak rapat. Sultan Dhiauddin telah mengahwinkan puterinya bernama Tun Safiah dengan Syed Harun Jamalullail berketurunan Arab tetapi bermastautin di Cenak, sebuah kampung di Pattani, Selatan Thailand. Sempena perkahwinan itu Sultan Dhiauddin mengurniakan kawasan Arau kepada Tun Safiah dan suaminya Syed Harun menjadi pusaka turun temurun dalam tahun 1797.

Sebaik sahaja Tengku Ahmad Tajuddin anak Al-Marhum Sultan Abdullah telah dewasa, Sultan Dhiauddin menyerahkan semula takhta kerajaan Kedah kepadanya dan baginda kembali memegang jawatan lama sebagai Raja Muda Kayangan Setul.² Sebagai Sultan Kedah, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II setuju kawasan Arau dianugerahkan kepada Syed Harun dan baginda melantik Syed Harun memerintah Arau bertaraf sebagai penghulu pertama daerah tersebut.³

1. Buyung Adil, *op.cit.*, hlm. 2.

2. *Ibid.*, hlm. 5.

3. Asmad, *op.cit.*, hlm. 11.

Semasa pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin, berlaku perperangan besar antara Siam dengan Kedah. Serangan Siam-Ligor itu berlaku dalam tahun 1821 dan Kedah kalah, kerana itu Sultan Ahmad Tajuddin melarikan diri ke Pulau Pinang dan kemudiannya ke Melaka. Semasa ketiadaan Sultan, anak-anak raja Kedah iaitu Tengku Anum Paduka Raja Jambangan dengan dibantu oleh Tengku Bisnu (Tunku Seraja Wang) dan Syed Hussein Jamalullail (anak Syed Harun) bermuafakat menyerang balas orang-orang Siam-Ligor yang berada di Kedah. Dalam serangan itu pihak Siam kalah dan kumpulan anak-anak raja telah merebut kembali Kedah dari tangan Siam. Selepas itu anak-anak raja menjemput Sultan Ahmad Tajuddin balik ke tahta kerajaannya di Kedah.

Baginda terharu dengan sambutan rakyat terhadapnya. Pada masa itu baginda melantik dengan rasmi Tunku Anum menjadi Raja Kubang Pasu, Tunku Bisnu sebagai Raja di Setul dan Syed Hussein sebagai Raja Kayang atau Perlis.

Syed Hussein telah dilantik menjadi Raja Perlis yang pertama pada tahun 1834 oleh Raja Siam dengan diberi gelaran "*Phra Songkeram Rammu Wisit Asmara Phya Perlis*", dalam satu istiadat pertabalan yang diadakan di Bangkok. Gelaran Syed Hussein ialah Tuan Syed Sharif Hussein Jamalullail. Perlantikan itu dibuat atas

sokongan kuat Raja Ligor.

Pada 20 Mei 1834 Perlis dengan rasminya menjadi sebuah negeri. Untuk mengambil sempena hubungan rapatnya antara Perlis dengan Indera Kayang tempat bersemayamnya Raja Kedah, Raja Perlis yang pertama memberi gelaran negeri Pelis sebagai "Indera Kayangan".¹

Demikianlah sejarah ringkas pembentukan negeri Perlis sebagai sebuah negeri yang berdaulat dan terpisah dari negeri Kedah.

B. Pengertian Tajuk Dan Perumusan Masalah

Tajuk penyelidikan tesis ini ialah "*Muhammad Ibn Abd al-Wahhab Dan Pengaruhnya Terhadap Ajaran Ahli Sunnah wal-Jamaah Di Perlis.*"

Sebelum penulis menjelaskan maksud pengertian tajuk kajian, terlebih dahulu penulis ingin menghuraikan beberapa perkataan yang digunakan untuk penyusunan tajuk kajian. Perkataan itu antaranya perkataan "Ajaran" dan "Pengaruh".

1. Buyung Adil, *op.cit.*, hlm. 3.

Perkataan "Ajaran" merupakan kata terbitan dari perkataan "ajar" yang membawa erti sesuatu yang diajarkan atau sesuatu nasihat dan petunjuk.¹

Manakala ganti nama "nya" pada perkataan "Ajarannya" ditujukan kepada Muhammad Ibn Abd al-Wahhab. Jadi "Ajarannya" ialah sesuatu yang diajarkan oleh beliau sebagai nasihat dan petunjuk kepada orang-orang lain untuk diikuti.

Perkataan "Pengaruh" bererti kuasa yang terbit daripada orang tertentu ke atas orang lain atau kuasa yang terbit daripada benda tertentu ke atas benda lain.²

Ganti nama "nya" pada perkataan "Pengaruhnya" ditujuk kepada Muhammad Ibn Abd al-Wahhab juga. Jadi maksud di sini ialah Muhammad dan ajarannya ada kuasa dan dapat mempengaruhi kepada ajaran golongan Ahli Sunnah wal Jamaah yang ada di Perlis yang menyebabkan ada hubungan dan kaitan atau ada persamaan di antara kedua-dua ajaran tersebut.

-
1. Dr. Tenku Iskandar, **Kamus Dewan**, cet. I, Edisi Baru, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1989, hlm. 16.
 2. *Ibid.*, hlm. 936.

Berdasarkan kepada huraian dan penjelasan tentang perkataan dan ungkapan-ungkapan yang tersebut di atas dapatlah dikatakan bahawa pengertian tajuk kajian ini ialah satu penyelidikan atau penghuraian tentang sejarah Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan ajaran-ajaran atau fikirannya yang diperkenalkan kepada masyarakat, serta pandangan orang lain terhadap ajarannya, juga menilai sejauhmana adanya pengaruh ajaran tersebut kepada ajaran yang diamal dan dihayati oleh golongan Ahli Sunnah yang berada di Perlis yang nampak ada banyak persamaan antara keduanya dan ia ada sedikit perbezaan dengan amalan yang dilakukan oleh golongan Ahli Sunnah di tempat lain di Malaysia.

Hasil daripada huraian pengertian tajuk dan aspek-aspek berkaitan dengannya dapatlah dirumuskan beberapa permasalahan dan kajian yang akan dikaji dan dianalisa iaitu:

- (a) Sejarah kelahiran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab, keluarganya, pengajian, dakwah dan sumber ajaran dakwahnya.
- (b) Pendedahan yang menyeluruh mengenai buah fikiran dan ajarannya yang sebenar yang banyak dimomok-momokkan oleh ramai musuh beliau.

- (c) Pendedahan pandangan dua golongan yang kontroversi; pertama golongan yang menyokong dan menganggap ajarannya benar, tidak menyeleweng dan keduanya pandangan golongan yang menentang dan menganggap ajarannya menyeleweng. Kemudian jawapan beliau dan ulama-ulama menyokongnya terhadap tuduhan-tuduhan dari golongan kedua yang menentangnya.
- (d) Penjelasan mengenai Ahli Sunnah wal Jamaah Perlis aspek-aspek ajaran mereka serta sejauhmana ada persamaan di antara ajaran mereka dengan ajaran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab.

C. Objektif Penyelidikan

Kajian ini dibuat kerana beberapa objektif dan tujuan penting antaranya:

- (a) Bagi mengetahui mengapa ketokohan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan ajarannya menjadi kontroversi di kalangan orang ramai sama ada kalangan ulama, sarjana dan orang awam di sepanjang zaman. Perkara sedemikian jarang berlaku kepada tokoh Islam yang lain.

- (b) Untuk menyingkap dan mengenal pasti sejarah hidup beliau dan ajarannya yang sebenar adakah sama dengan apa yang dianggap oleh ramai musuhnya yang mengatakan dia adalah seorang tokoh yang menyeleweng dan membawa mazhab **Wahhabi** yang dikira terkeluar dari mazhab Ahli Sunnah wal Jamaah atau sebaliknya. Perkara ini penting untuk mencari kebenaran sebenar, tidak terikut-ikut kepada pendapat dan pandangan yang salah.
- (c) Kajian ini juga dapat mengenal pasti apakah ajaran-ajaran penting yang didakwahkan kepada orang ramai dan bagaimana cara beliau melakukan dakwah dari awal sampai akhirnya sehingga dia dan pengikut-pengikutnya dapat membentuk sebuah negeri tersendiri di Semenanjung Tanah Arab dan melaksanakan ajaran Islam.
- (d) Dapat mengetahui bagaimana sikap musuh-musuh beliau di sepanjang zaman dari kalangan ulama, sarjana dan orang awam yang sezaman dengannya dan yang selepasnya sampai ke hari ini. Juga untuk mengetahui bentuk-bentuk tuduhan dan jenis-jenisnya serta sebab-sebab tuduhan-tuduhan tersebut dilakukan kepadanya. Tuduhan-tuduhan tersebut banyak dicatat dalam buku-buku atau kitab-kitab yang disebar ke seluruh negeri.

- (e) Kerana kesedaran penulis betapa pentingnya persoalan mengenai tokoh ini perlu diselidiki semula bagi mengetahui kedudukan sebenar dan sebagai satu sumbangan bakti kepada ramai pencinta ilmu yang tidak berpeluang dan tidak mendapat pendedahan mengenai tokoh ini supaya mereka dapat maklumat sebenar dari hasil kajian dan penyelidikan ini.
- (f) Untuk mengetahui sikap tokoh tersebut dan ulama-ulama penyokongnya dalam menghadapi berbagai-bagi tuduhan yang dilemparkan kepadanya dan bagaimana cara mereka menjawab segala tuduhan-tuduhan itu.
- (g) Bagi mengatasi sejauhmana dakwah dan gerakan beliau dapat mempengaruhi orang ramai khususnya tokoh-tokoh *Islah* di banyak negeri Islam yang lahir selepas beliau sama ada di Timur Tengah, Afrika, India dan Nusantara, dan bagaimana ada hubungan ajaran beliau dengan ajaran Ahli Sunnah Perlis yang nampak ada perbezaan dengan amalan Ahli Sunnah di tempat-tempat lain di Malaysia.
- (h) Dapat dikenal pasti banyak ajaran beliau ada persamaan dengan ajaran yang dihayati oleh golongan Ahli Sunnah Perlis sama ada dalam

perkara-perkara akidah dan fikah.

D. Metodologi Penyelidikan

Metodologi berasal dari dua kata perkatan Yunani iaitu "*Methodos*" yang bererti cara atau jalan dan "*Logos*" bererti ilmu.¹ Mengikut Kamus Dewan kedua-dua perkataan itu bererti ilmu atau kaedah berfikir yang sihat.² Oleh itu metodologi ialah satu cara kajian yang logikal diguna dari awal sehingga akhir bagi memenuhi tujuan kajian dan mendapat jawapan daripadanya.³

Dalam bidang penyelidikan ilmiah, metod merupakan jalan yang terpenting kerana ia dijadikan sebagai kaedah untuk memahami objek yang menjadi sasaran penyelidikan. Metodologi yang digunakan di dalam penyelidikan perlu menggunakan teknik-teknik yang teliti dan bersistematik. Dengan itu sesuatu kajian itu akan lebih bermutu dan bernilai.

-
1. Koentjaraningrat, *Metod-metod Penelitian Masyarakat*, Penerbit P.T. Gramedia, Jakarta, 1986, hlm. 7.
 2. Dr. Tenku Iskandar, *Kamus Dewan*, Edisi Baru, hlm. 726.
 3. Abdullah Taib, *Asas-asas Antropologi*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1985, hlm. 59.

Dalam kajian ini penulis menggunakan dua lapangan penyelidikan iaitu penyelidikan perpustakaan atau "**Library Research**" dan keduanya Penyelidikan Lapangan atau "**Field Research**". Bagi membantu penulis untuk memahami permasalahan yang dikaji dengan lebih mudah, penulis menggunakan tiga metod utama iaitu:

- (a) Metod penentuan subjek
- (b) Metod pengumpulan data
- (c) Metod analisa data/penulisan

Di bawah ini akan diterang secara ringkas mengenai metod-metod tersebut:

(a) **Metod Penentuan Subjek**

Metod ini digunakan bagi menentukan subjek yang menjadi sampling kepada kajian. Metod sampling pula digunakan kerana besar populasi yang menjadi subjek penelitian atau penilaian.

(b) **Metod Pengumpulan Data**

Metod ini digunakan untuk mendapatkan data-data yang diperlukan bagi penulisan kajian ini. Hasil dari pengumpulan data ini akan dapat dijadikan sebagai

pentafsiran data dan ia dapat dijadikan sebagai fakta. Untuk mendapatkan data-data yang relevan dengan tajuk kajian, beberapa metod lain digunakan seperti Metod Sejarah (*Historis*), Metod Dokumentasi, Metod Temubual (*Interview*) dan Metod Pemerhatian (*Observasi*).

(i) **Metod Sejarah (*Historis*)**

Metod Historis ialah satu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai sesuatu kejadian.¹ Metod ini digunakan untuk mendapat data-data yang mempunyai nilai-nilai sejarah. Penulis berhati-hati dalam menganalisa sejarah agar ia benar-benar sahih dan dapat dipertanggungjawabkan. Walau bagaimanapun ini tidak bererti penulis mampu mengumpulkan keseluruhan fakta sejarah yang berkaitan disebabkan masa dan keadaan yang tidak mengizinkan.

Penulis menggunakan metod ini dalam usaha mendapatkan data-data penting dalam bab I, II, dan III.

1. Imam Barnadib, *Arti Dan Metode Sejarah Pendidikan*, Yayasan Penerbitan FIK-IKIP, Yogyakarta, 1982, hlm. 52.

(ii) Metod Dokumentasi

Metod Dokumentasi bererti melihat dokumen-dokumen yang berkaitan dengan masalah yang diselidiki.¹ Dokumen pula bermaksud "benda bertulis yang dapat memberikan berbagai keterangan".² Oleh itu penulis mengkaji banyak bentuk dokumen sama ada berbentuk catatan, buku-buku atau kitab, encyclopedias dan sebagainya yang relevan dengan tajuk kajian. Kemudian penulis mengolah, membuat perbandingan dan seterusnya kesimpulan. Metod ini digunakan oleh penulis untuk mendapat data-data untuk bab I, II, III dan IV.

Dokumen yang diperolehi itu adalah berdasarkan kepada kemampuan penulis. Dokumen-dokumen itu meliputi al-Quran dan hadith Rasulullah s.a.w. (Ia digolongkan dalam Dokumen kerana sifatnya sebagai sumber bertulis dan terjamin keasliannya), begitu juga kitab-kitab agama yang muktabar, encylopedia, kamus-kamus istilah dan sebagainya.

1. *Ibid.*, hlm. 55.

2. *Ibid.*

Untuk mendapat bahan-bahan dokumen ini kajian perpustakaan dilakukan. Di antara perpustakaan yang menjadi tumpuan penulis ialah:

- (a) Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
 - (b) Perpustakaan Universiti Malaya, Cawangan Nilam Puri, Kelantan.
 - (c) Perpustakaan Pusat Islam, Kuala Lumpur.
 - (d) Perpustakaan **Mustasyar** Kedutaan Arab Saudi, Ampang, Selangor Darul Ehsan.
 - (e) Perpustakaan Utama Universiti Ummu al-Qura, Mekkah al-Mukarramah, Arab Saudi.
 - (f) Perpustakaan al-Haramain, Mekkah al-Mukarramah dan lain-lain perpustakaan lagi.
- (iii) **Metod Pemerhatian (Observasi)**

Metod ini ialah satu cara pengumpulan data dengan melakukan pengamatan secara langsung terhadap objek-objek kajian.¹ Metod ini digunakan untuk mendapat data-data yang melengkapi dengan data-data lain.

1. Dr. Abdul Halim Hj Mat Diah, *Suatu Contoh Tentang Huraiian Methodologi*, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1987, hlm. 129.

Pemerhatian ini dilakukan oleh penulis terhadap orang yang ditemubual dan sebagainya juga para penduduk tempat kajian untuk memastikan data yang dicatat adalah benar. Penulis mengguna metod ini dengan datang sendiri ke masjid-masjid dan tempat-tempat lain yang dikira ada hubungan dengan kajian. Tempat-tempat itu termasuk: Masjid al-Haram Mekkah, Masjid al-Nabawi di Madinah, beberapa buah masjid di Riyadh dan beberapa buah masjid lain di Negeri Perlis tempat adanya golongan Ahli Sunnah Perlis dan lain-lain. Data-data yang diperolehi melalui metod ini dimasukkan dalam bab I dan IV.

(iv) **Metod Temubual (Interview)**

Metod Temubual merupakan satu kaedah bagi mengumpulkan data dengan menemubual tokoh-tokoh atau orang perseorangan untuk mendapatkan keterangan secara lisan dari seseorang responden dengan bercakap-cakap atau berhadap-hadap muka dengan orang tersebut.¹ Metod ini mempunyai peranan yang tersendiri di dalam sesuatu penulisan ilmiah. Ia berhubung rapat dan merupakan metod pembantu kepada metod **observasi**.²

1. Koentjaraningrat, **op.cit.**, hlm. 16.

2. **Ibid.**

Metod Temubual ini boleh dijalankan sama ada melalui penggunaan soalan-soalan yang tersusun (**structured question**) atau soalan-soalan yang tidak tersusun (**unstructured question**). Untuk kajian ini penulis hanya melakukan temubual atau wawancara secara tidak tersusun. Walau bagaimanapun temubual ini temubual berfokus (**Focused Interview**) iaitu persoalan penulis sentiasa berpusat kepada topik yang menjadi kajian penyelidikan ini. Metod ini digunakan untuk mendapat bahan-bahan bagi bab IV.

(c) **Metod Menganalisa Data/Penulisan**

Setelah segala data dan fakta dikumpulkan melalui metod-metod yang disebut di atas, penulis membuat pengolahan data dan menganaliskannya dengan menggunakan metod-metod berikut:

- (i) Metod Induktif.
- (ii) Metod Deduktif
- (iii) Metod Komparatif

(i) **Metod Induktif**

Metod ini bererti "sesuatu cara menganalisa data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang

umum."¹ Metod ini penulis gunakan dalam keseluruhan kajian ini, dalam pendahuluan, bab I, bab II, bab III dan bab IV.

(ii) **Metod Deduktif**

Metod Deduktif bererti cara menganalisis dan melakukan penulisan yang berdasarkan pola berfikir yang mencari pembuktian dengan perpijak kepada dalil umum terhadap hal-hal yang khusus.²

Metod ini digunakan secara meluas dalam penulisan menganalisis data dalam setiap persoalan yang menjadi objek penyelidikan penulis. Metod ini digunakan dalam setiap bab kajian ini, bab I, bab II, III dan IV.

(iii) **Metod Komparatif**

Metod ini bermaksud cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan secara adil terhadap beberapa data yang diperolehi dalam masa pengkajian

1. Imam Barnadib, *op.cit.*, hlm. 52.

2. *Ibid.*

dilakukan.¹

Penulis menggunakan metod ini untuk menganalisa beberapa aspek dalam bab I (latar belakang masalah), dalam bab III mengenai buah fikiran dan ajaran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan bandingan dengan ajaran Ahli Sunnah, dalam bab IV mengenai pandangan golongan yang menyokong beliau dan yang menentangnya dan juga dalam bab V yang mengenai hubungan ajaran beliau dengan ajaran Ahli Sunnah Perlis.

E. Sistematika Penulisan

Kajian tesis ini dibahagikan kepada lima bab utama dan penutup. Bagi tiap-tiap bab penulis menghuraikan seperti berikut:

Pendahuluan

Dalam bahagian ini penulis memaparkan latar belakang masalah, pengertian tajuk dan rumusan masalah, objektif kajian, metodologi penyelidikan dan sistematika penulisan. Manakala bagi setiap bab pula terdapat masalah-masalah tertentu.

1. Dr. Abdul Halim Hj Mat Diah, *op.cit.*, hlm. 136.

Bab I

Sejarah Hidup Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan dakwahnya.

Dalam bab ini dibahaskan mengenai persoalan-persoalan yang berkaitan dengan perkara tersebut yang didahului dengan kelahiran beliau dan pengenalan mengenai keluarganya. Suasana masyarakat Islam di Najd sebelum kelahiran dakwah beliau, pangajian beliau di beberapa buah negeri dan guru-gurunya, karya-karya penulisan dan jenis-jenisnya, peribadi dan tingkah laku beliau, dakwah beliau dan perkembangannya, sumber-sumber penting ajaran dan akhir sekali dijelaskan mengenai hubungan dakwahnya dengan sebutan **wahhabi**.

Bab II

Buah fikiran dan ajarannya.

Dalam bab ini penulis mengemukakan pengenalan buah fikiran beliau, kemudian diikuti dengan penjelasan secara tuntas mengenai beberapa buah fikiran beliau yang penting meliputi tauhid dan pembahagiannya, tawassul dan jenis-jenisnya samada yang disyariatkan dan yang tidak disyariatkan, perkara berhubung dengan syafaat dan

jenis-jenisnya, sikap beliau mengenai masalah mengkafirkan orang lain dan tuduhan musuhnya yang mengatakan dia mengkafir orang Islam yang tidak mengikutinya, perkara yang berkenaan membina *kubbah* di atas kubur serta hukum menziarahi kubur, termasuk kubur Rasulullah s.a.w. dan akhir sekali dijelas mengenai tugas *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar*.

Bab III

Pandangan ulama dan sarjana terhadap Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan ajarannya.

Dalam bab ini penulis mengulas mengenai tiga perkara penting iaitu pertama disebut pendapat dan pandangan golongan yang menyokong beliau dan buah fikirannya, kedua pandangan atau pendapat golongan ulama dan sarjana yang menentang dan memusuhi beliau dan disebut juga tuduhan-tuduhan yang dilemparkan terhadap beliau dan ajarannya. Ketiga dibawanya jawapan-jawapan beliau dan ulama-ulama lain yang menyokong beliau terhadap segala tuduhan-tuduhan yang dilemparkan kepada beliau dan ajarannya.

Bab IV

Ahli Sunnah Perlis dan hubungan ajarannya dengan ajaran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab.

Dalam bab ini dijelaskan beberapa perkara penting berhubung dengan topik di atas yang mencakupi penjelasan ringkas mengenai Pengenalan Ahli Sunnah wal Jamaah, golongan-golongan Ahli Sunnah, ciri-ciri Ahli Sunnah. Kemudian diikuti lagi dengan penjelasan kelayaran Ahli Sunnah Perlis dan perkembangannya, beberapa aspek pemikiran mereka dan akhir sekali dijelas mengenai beberapa titik persamaan di antara ajaran Ahli Sunnah Perlis dengan ajaran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab bagi membuktikan adanya pengaruh ajaran beliau ke dalam pemikiran dan ajaran Ahli Sunnah Perlis.

Bab V

PENUTUP

Penulis menjadikan bahagian ini sebagai bahagian akhir dalam penulisan kajian ini. Di dalamnya mengandungi kesimpulan-kesimpuan, hasil daripada perbincangan-perbincangan di dalam kajian ini dan mengemukakan saran-saran penting tentang cara untuk mengatasi masalah yang wujud mengenai tajuk kajian.